

SSN SMK MUTIARA DAN SK TANJUNG ARU KUASAI TAKHTA OLAHRAGA MSSWP LABUAN 2025



Labuan, 10 Julai – Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah WP Labuan (MSSWPL) Kali Ke 24 Tahun 2025 telah melabuhkan tirainya pada petang 9 Julai 2025 di Kolej Matrikulasi Labuan. Kejohanan yang dikelolakan oleh SMK Pantai dan SK Lubok Temiang itu berlangsung selama 5 hari iaitu 3-4 Julai 2025 bagi acara padang dan 7-9 Julai 2025 bagi acara balapan. Majlis Perasmian Pembukaan diadakan pada 7 Julai 2025 manakala Majlis Perasmian Penutupan dilangsungkan pada 9 Julai 2025 disempurnakan oleh En Yahya bin Ahmad Puteh, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, menjalankan tugas Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Kejohanan kali ini melibatkan penyertaan 18 buah sekolah rendah dan 12 buah sekolah menengah termasuk Kolej Vokasional Labuan, dengan pelibatan seramai 714 orang atlet yang mewakili pelbagai kategori umur dan acara.

Bagi kategori sekolah menengah, Sekolah Sukan Negeri (SSN) SMK Mutiara telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan. SSN SMK Mutiara menguasai kutipan pingat

dengan 32 emas, 16 perak dan 12 gangsa, diikuti SMK Pantai di tempat kedua dengan kutipan 13 emas, 20 perak dan 15 gangsa, SMK Ranche-Ranche di tempat ketiga dengan 5 emas, 7 perak dan 11 gangsa, SM St Anthony di tempat keempat dengan 4 emas, 3 perak dan 7 gangsa, manakala SMK Labuan di tempat kelima dengan 3 emas, 8 perak dan 8 gangsa.

Bagi kategori sekolah rendah pula SK Tanjung Aru mengungguli gelaran johan keseluruhan sekolah rendah dengan kutipan pingat 5 emas, 3 perak dan 2 gangsa. SK Sungai Bedaun di tempat kedua dengan 2 emas dan 6 perak, SK Kerupang di tempat ketiga dengan 2 emas, 4 perak dan 4 gangsa, SK Pantai di tempat keempat dengan 1 emas, 2 perak dan 2 gangsa, manakala SK Bukit Kallam di tempat kelima dengan 1 emas dan 1 perak.

Sebanyak 13 rekod baharu telah dicatat sepanjang kejohanan ini iaitu :.

- Acara Lompat Jauh P12 : Nurin Husna Binti Mohd Azzlan (SK Bebuloh)
- Lempar Cakera P15 : Rabiatal Damia Binti Erwan (SSN SMK Mutiara)
- Lompat Kijang P15 : Afiqah Binti Pajiri (SSN SMK Mutiara)
- Lontar Pelur L15 : Muhammad Sulaiman Bin Hasnul Hadi (SMK Pantai)
- Lontar Peluru P15 : Nur Afza Afiqah Binti Ali Omar (SMK Pantai)
- Lompat jauh L15 : Muhammad Edzul Fahmie Bin Mohd Rezal (SMK Pantai)
- 1500M L18 : Muhammad Aiman Bin Khamis (SSN SMK Mutiara)
- 3000M Terbuka : Muhammad Aiman Bin Khamis (SSN SMK Mutiara)
- 200M P15 : Siti Aira Binti Azmi (SSN SMK Mutiara)
- 400M L18 : Mohammad Nafiq Bin Hussin (SSN SMK Mutiara)
- 800M L18 : Mohammad Nafiq Bin Hussin (SSN SMK Mutiara)
- 4X100M P15 SSN SMK Mutiara
- 4X100M L15 SSN SMK Mutiara

Olahragawan Sekolah Rendah dimenangi oleh Muhammad Aniq

Aminin bin Robbin dari SK Kerupang manakala Olahragawan Sekolah Menengah dimenangi oleh Mohammad Nafiq bin Hussin dari SSN SMK Mutiara.

Olahragawati Sekolah Rendah dimenangi bersama oleh Nur Izz Zayani binti Maswandie dari SK Tanjung Aru dan Nurin Husna binti Mohd Azzlan dari SK Bebuloh, manakala Olahragawati Sekolah Menengah dimenangi bersama oleh Noraina binti Muslimin dan Afiqah binti Pajiri , kedua-duanya dari SSN SMK Mutiara.

Dalam ucapan perasmian penutupan, En Yahya bin Ahmad Puteh, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, menjalankan tugas Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan mengucapkan tahniah kepada sekolah pengelola bersama iaitu SMK Pantai dan SK Lubok Temiang atas pengelolaan kejohanan yang cekap dan teratur serta telah mengusahakan pembaharuan dengan memperkenalkan penggunaan *Semi Electronic Timing System* untuk memastikan ketepatan dan kesahihan catatan masa, sekali gus membantu melancarkan urusan teknikal pertandingan. Beliau juga berharap kejohanan kali ini dapat memilih barisan atlet terbaik yang akan membawa cabaran MSSWP Labuan ke Kejohanan Olahraga MSSM yang akan berlangsung pada 17-24 Ogos 2025 di Perlis Indera Kayangan.

Kejohanan ini juga mendapat perhatian dan sokongan pelbagai pihak. Antara yang hadir ialah En Hasnul Hadi bin Haji Sariman Pengarah Kolej Matrikulasi Labuan, Tuan Haji Sawal bin Salleh Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, En Awang Marten bin Datuk Haji Abd Rahman Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, En Ismail bin Abdullah Pengetua SMK Pantai serta Pn Rohaimie binti Samsu Penolong Kanan Pentadbiran menjalankan tugas Guru Besar SK Lubok Temiang selaku pengelola bersama kejohanan ini. Turut hadir ialah Ketua-Ketua Penolong Pengarah, Ketua Kaunselor Negeri, Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah WP Labuan.

Majlis Perasmian Penutupan Kejohanan diakhiri dengan upacara penyerahan bendera kejohanan kepada sekolah

pengelola Kejohanan Olahraga MSSWPL Kali Ke 25 tahun 2026. En Yahya bin Ahmad Puteh menyerahkan bendera kejohanan kepada Puan Norazita binti Md Nor @ Shamsuri Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun dan Puan Mahani binti Hussin Guru Besar SK Kerupang.



BULETIN HARIAN

MSSWPL 2025

HARI PERTAMA KEJOHANAN

PENGELOLA BERSAMA:





KEJOHANAN BALAPAN & PADANG MSS W.P. LABUAN 2025
03 JULAI 2025 | KHAMIS | 7:15 PAGI - 4:00 PETANG | KOLEJ MATRIKULASI LABUAN
ACARA TERLIBAT: MEREJAM LEMBING | LONTAR PELURU | LOMPAT KIJANG | LEMPAR CAKERA | LOMPAT TINGGI



SASARAN : ATLET LELAKI DAN PEREMPUAN 12,15 & 18 TAHUN
"Labuan BISAI : 100% Kita Punya"



BULETIN HARIAN

MSSWPL 2025

HARI KEDUA KEJOHANAN

PENGELOLA BERSAMA:



KEJOHANAN BALAPAN & PADANG MSS W.P. LABUAN 2025

ACARA TERLIBAT: MEREJAM LEMBING | LONTAR PELURU | LOMPAT KIJANG | LEMPAR CAKERA | LOMPAT-TINGGI
04 JULAI 2025 | JUMAAT | 7:15 PAGI - 4:00 PETANG | KOLEJ MATRIKULASI LABUAN



SASARAN : ATLET LELAKI DAN PEREMPUAN 12,15 & 18 TAHUN

"Labuan BISA! : 100% Kita Punya"



BULETIN HARIAN

MSSWPL 2025

HARI KETIGA KEJOHANAN

PENGELOLA BERSAMA:



KEJOHANAN BALAPAN & PADANG MSS W.P. LABUAN 2025

ACARA TERLIBAT: 1500M | 800M | 100M | 400M & 200M | 80 & 110 LARI BERPAGAR

07 JULAI 2025 | ISNIN | 7:15 PAGI - 4:00 PETANG | KOLEJ MATRIKULASI LABUAN



SASARAN : ATLET LELAKI DAN PEREMPUAN 12,15 & 18 TAHUN

"Labuan BISAI : 100% Kita Punya"



BULETIN HARIAN

MSSWPL 2025

HARI KEEMPAT KEJOHANAN

PENGELOLA BERSAMA:



KEJOHANAN BALAPAN & PADANG MSS W.P. LABUAN 2025

ACARA TERLIBAT: 3000M | 400M | 200M | 4 X 100M | 80 & 110 LARI BERPAGAR

08 JULAI 2025 | SELASA | 7:15 PAGI - 4:00 PETANG | KOLEJ MATRIKULASI LABUAN



SASARAN : ATLET LELAKI DAN PEREMPUAN 12,15 & 18 TAHUN

"Labuan BISAI : 100% Kita Punya"



BULETIN HARIAN

MSSWPL 2025

HARI KELIMA KEJOHANAN

PENGELOLA BERSAMA:



KEJOHANAN BALAPAN & PADANG MSS W.P. LABUAN 2025

ACARA TERLIBAT: 1500M | 200M | 4 X 200M | 4 X 200M

09 JULAI 2025 | RABU | 7:15 PAGI - 4:00 PETANG | KOLEJ MATRIKULASI LABUAN



SASARAN : ATLET LELAKI DAN PEREMPUAN 12,15 & 18 TAHUN

"Labuan BISAI : 100% Kita Punya"



BULETIN HARIAN

MSSWPL 2025

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN

PENGELOLA BERSAMA:



KEJOHANAN BALAPAN & PADANG MSS W.P. LABUAN 2025
09 JULAI 2025 | RABU | 3:00 - 5:00 PETANG | KOLEJ MATRIKULASI LABUAN



SASARAN : ATLET LELAKI DAN PEREMPUAN 12,15 & 18 TAHUN

"Labuan BISA! 100% Kita Punya"